

**Usul yang telah dibincangkan dan diputuskan semasa Mesyuarat MBJ
Bil.3 Tahun 2022 bertarikh 3 November 2022.**

Bil.	Usul Pekerja	Keputusan Mesyuarat
1.	Pengimbas Kad	<p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) semakan melalui sistem MyAttendance mendapati terdapat rekod 'masuk' tetapi 'keluar' tiada. Begitu juga sebaliknya. Pegawai terpaksa mengemukakan alasan bagi ketiadaan rekod berkenaan. Terdapat juga penyelia yang meragui alasan yang digunakan (kesilapan sistem) apabila terdapat pegawai yang tidak mengalami masalah yang sama pada hari berkenaan; (b) pihak pekerja memohon supaya sistem kehadiran atau mesin pengimbas kad diperbaiki; (c) pihak SPM BHEUU telah mengambil maklum masalah sistem MyAttendance dan dalam tindakan mengemukakan cadangan perolehan sistem kehadiran yang baharu bagi tahun 2023 tertakluk kepada kelulusan peruntukan tahun semasa. Kontraktor yang menguruskan sistem ini juga sedang mengenal pasti masalah dan jalan penyelesaian; dan (d) pegawai yang mempunyai keraguan terhadap alasan yang dikemukakan dalam sistem MyAttendance boleh mengemukakan permohonan kepada UKP BHEUU untuk mendapatkan rekod transaksi keluar masuk yang dijana oleh Sistem Ingress. <p>Mesyuarat <u>bersetuju</u> supaya pemakluman mengenai masalah mesin pengimbas dan sistem MyAttendance dihebahkan kepada kakitangan dengan lebih kerap.</p>

**Usul yang telah dibincangkan dan diputuskan semasa Mesyuarat MBJ
Bil.3 Tahun 2022 bertarikh 3 November 2022.**

Bil.	Usul Pekerja	Keputusan Mesyuarat
2.	Keselamatan Di Ruang Kaunter	<p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa:</p> <p>(a) terdapat segelintir pelanggan yang berurusan di kaunter membuat provokasi, enggan untuk beredar dari pejabat dan mengeluarkan kata-kata kesat kepada pegawai atau pegawai yang bertugas di kaunter kerana permohonan ditolak atau tidak bersetuju/berpuashati dengan syarat yang ditetapkan; dan</p> <p>(b) pihak pekerja mencadangkan untuk menyediakan perkhidmatan Pengawal Keselamatan di kaunter bagi mencegah sebarang perkara yang tidak diingini berlaku serta memastikan urusan dapat berjalan dengan lancar dan keselamatan pegawai terjamin.</p> <p>Mesyuarat bersetuju bahawa pejabat yang diganggu oleh pelanggan semasa berurusan boleh terus menghubungi pihak polis semasa kejadian berlaku.</p>
3.	Kursus Asas Kebakaran	<p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa:</p> <p>(a) pihak pekerja mencadangkan untuk mengadakan Kursus Asas Kebakaran kepada semua warga BHEUU bertempat di Dewan Saksama. Kursus ini bagus untuk meningkatkan kesedaran dan memastikan tiada warga BHEUU yang menjadi mangsa kebakaran. MBJ BHEUU boleh menjadi penganjur dengan menggunakan peruntukan Jabatan; dan</p>

**Usul yang telah dibincangkan dan diputuskan semasa Mesyuarat MBJ
Bil.3 Tahun 2022 bertarikh 3 November 2022.**

Bil.	Usul Pekerja	Keputusan Mesyuarat
		<p>(b) BHEUU memaklumkan kursus seumpama ini merupakan kursus asas yang dianjurkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia pada setiap tahun kepada Pasukan Keselamatan Kebakaran dan Bencana (PKKB). Pada tahun ini juga, Jabatan Perdana Menteri telah menganjurkan kursus pertolongan cemas dan kawalan keselamatan kebakaran namun begitu penyertaan daripada kakitangan tidak menggalakkan.</p> <p>Mesyuarat bersetuju supaya tindakan susulan diambil bagi perkara-perkara berikut:</p> <p>(a) kursus ini boleh dipertimbangkan jika terdapat keperluan;</p> <p>(b) PKKB boleh membuat perkongsian ilmu kepada kakitangan berdasarkan sesi pembelajaran yang telah dihadiri bersama pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Perkongsian maklumat boleh dibuat melalui hebahan infografik bagi tujuan meningkatkan kesedaran; dan</p> <p>(c) Memastikan Ketua Aras yang dilantik menjalankan fungsinya dan memaklumkan perkara-perkara yang wajib dilaksanakan semasa kebakaran.</p>
4.	Penggunaan Tulisan Dan Ayat Dalam E-mel Rasmi	<p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa:</p> <p>(a) selain daripada surat rasmi, e-mel juga merupakan dokumen rasmi setiap jabatan bagi memudahkan urusan kerja seharian. Ini kerana maklumat melalui</p>

**Usul yang telah dibincangkan dan diputuskan semasa Mesyuarat MBJ
Bil.3 Tahun 2022 bertarikh 3 November 2022.**

Bil.	Usul Pekerja	Keputusan Mesyuarat
		<p>emel akan lebih cepat dihantar atau diterima. Walau bagaimanapun, terdapat emel yang dihantar tidak menggunakan format yang betul dan juga penggunaan bahasa yang tidak tepat dalam penulisan e-mel. Penulisan berkualiti melambangkan identiti atau imej seseorang; dan</p> <p>(b) pihak pekerja mencadangkan supaya hebahan dibuat mengenai tatacara penulisan emel berdasarkan kepada Arahan Pentadbiran yang dikeluarkan oleh pihak MAMPU Bilangan 5 Tahun 2014 mengenai Penulisan Surat Rasmi, Memo dan Emel.</p> <p>Mesyuarat bersetuju dengan cadangan seperti di para 5.4 (b).</p>
5.	Hebahan Salam Perkenalan Pegawai Baharu Melapor Diri Di BHEUU	<p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa:</p> <p>(a) pegawai baharu yang melapor diri di BHEUU hanya dihebahkan melalui emel sahaja. Hebahan ini dibuat selepas beberapa hari melapor diri dan bertugas di BHEUU. Ini menyebabkan ramai warga BHEUU yang tidak mengetahui dan mengenali pegawai baharu di setiap Seksyen dan Unit di BHEUU; dan</p> <p>(b) pihak pekerja mencadangkan supaya Unit Sumber Manusia BHEUU membawa atau memperkenalkan pegawai baharu ke setiap Seksyen/Unit sebagai salam perkenalan serta melawat lokasi di setiap Seksyen Seksyen/Unit.</p>

**Usul yang telah dibincangkan dan diputuskan semasa Mesyuarat MBJ
Bil.3 Tahun 2022 bertarikh 3 November 2022.**

Bil.	Usul Pekerja	Keputusan Mesyuarat
		Mesyuarat bersetuju supaya pegawai baharu diperkenalkan kepada semua kakitangan dengan dibantu oleh pegawai pentadbiran Seksyen/Unit di mana pegawai tersebut ditempatkan.
6.	Pintu-Pintu Tidak Ditutup Dengan Rapat	<p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa:</p> <p>(a) terdapat pintu-pintu di bangunan BHEUU tidak ditutup dengan rapat malah terdapat pintu yang disendal dengan kertas dan kuncinya sengaja dibuka walaupun sudah terdapat notis peringatan ditampalkan; dan</p> <p>(b) BHEUU, Mdl dan JBG perlu peka bagi mengelakkan sebarang kejadian tidak diingini berlaku seperti kecurian dan pecah pejabat. Selain itu, ia boleh mengundang orang awam masuk dengan mudah memandangkan kawasan bangunan BHEUU tidak berpagar dan banyak pintu-pintu boleh diceroboh masuk.</p> <p>Mesyuarat bersetuju supaya Ketua Jabatan membuat peringatan kepada kakitangan di jabatan masing-masing.</p>
7.	Arahan Perpindahan Pegawai	<p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa:</p> <p>(a) arahan perpindahan yang diterima pada pertengahan tahun telah memberi kesan kewangan kepada pegawai terutamanya melibatkan perpindahan rumah. Selain itu, ia mengganggu sesi persekolahan anak-anak yang perlu bertukar sekolah pada pertengahan</p>

**Usul yang telah dibincangkan dan diputuskan semasa Mesyuarat MBJ
Bil.3 Tahun 2022 bertarikh 3 November 2022.**

Bil.	Usul Pekerja	Keputusan Mesyuarat
		<p>tahun terutama anak-anak yang terlibat dengan peperiksaan besar;</p> <p>(b) pegawai akur dengan arahan pertukaran bagi tujuan pusingan kerja. Namun, dicadangkan arahan pertukaran tersebut boleh dipertimbangkan untuk dibuat pada awal tahun. Sekurang-kurangnya pegawai mempunyai masa untuk menguruskan persekolahan anak-anak dan membuat anggaran kos perpindahan rumah atau mencari rumah sewa;</p> <p>(c) pihak Mdl memaklumkan bahawa arahan pertukaran yang dibuat atas permohonan pertukaran pegawai sendiri seharusnya bersedia dengan pelaksanaan tersebut pada bila-bila masa; dan</p> <p>(d) pegawai diingatkan mengenai kandungan di dalam Surat Aku Janji Perkhidmatan Awam yang telah ditandatangani semasa mula-mula dilantik untuk akur kepada arahan yang telah dikeluarkan oleh Ketua Jabatan. Kegagalan seorang pegawai memberi aku janji sebagaimana dikehendaki atau gagal mematuhi terma-terma aku janji juga merupakan suatu pelanggaran tata tertib.</p> <p>Mesyuarat bersetuju supaya pegawai yang memerlukan pelanjutan atau penangguhan arahan pertukaran untuk membuat perbincangan bersama Ketua Jabatan tertakluk kepada keperluan Jabatan dan kepentingan perkhidmatan.</p>

**Usul yang telah dibincangkan dan diputuskan semasa Mesyuarat MBJ
Bil.3 Tahun 2022 bertarikh 3 November 2022.**

Bil.	Usul Pekerja	Keputusan Mesyuarat
8.	Akses Laluan Dari Pintu Cermin Di Blok Utara	<p>(a) Mesyuarat mengambil maklum bahawa pintu cermin di Blok Utara tidak beroperasi berikutan pandemik COVID-19. Memandangkan kini kita telah memasuki fasa endemik, pihak pekerja memohon supaya akses kepada pintu ini dibuka kepada kakitangan khususnya kepada kakitangan di Blok Utara; dan</p> <p>(b) Mesyuarat bersetuju akses melalui pintu berkenaan dibuka semula untuk kegunaan kakitangan di Blok Utara.</p>
9.	Larangan Merokok Di Kecemasan Kakitangan Di Tangga	<p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa:</p> <p>(a) terdapat kakitangan yang merokok di ruang tangga kecemasan terutama di Aras 3 Blok Selatan. Hasil rondaan yang dibuat oleh pihak Pengurusan BHEUU, terdapat puntung rokok yang masih menyala dan ini akan menyebabkan perkara yang tidak diingini terjadi; dan</p> <p>(b) pihak pekerja mencadangkan supaya emel hebahan kesedaran dan peringatan mengenai kawasan larangan merokok dikeluarkan oleh semua jabatan.</p> <p>Mesyuarat bersetuju supaya tindakan susulan seperti di para 5.9 (b) dilaksanakan.</p>
10.	Membekalkan Baju Hujan Dan Beg Dokumen Kepada Penghantar Notis	<p>(a) Mesyuarat mengambil maklum bahawa terdapat keperluan untuk membekalkan baju hujan dan beg yang sesuai untuk mengisi dokumen/notis semasa menjalankan tugas terutama dalam keadaan cuaca hujan. Ini untuk</p>

**Usul yang telah dibincangkan dan diputuskan semasa Mesyuarat MBJ
Bil.3 Tahun 2022 bertarikh 3 November 2022.**

Bil.	Usul Pekerja	Keputusan Mesyuarat
		<p>keselamatan dokumen dan pegawai sepanjang menjalankan tugas; dan</p> <p>(b) Mesyuarat bersetuju cadangan perolehan baju hujan dan beg kepada kakitangan JBG yang berkenaan dipertimbangkan pada tahun 2023.</p>
11.	Kursus Penyediaan Afidavit Kepada Penghantar Notis	<p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa:</p> <p>(a) afidavit yang disediakan oleh penghantar notis tidak seragam. Terdapat teguran daripada pihak mahkamah; dan</p> <p>(b) pihak pekerja mencadangkan supaya JBG mempertimbangkan untuk mengadakan kursus/latihan kepada penghantar notis bagi format penyediaan afidavit serahan dokumen.</p> <p>Mesyuarat bersetuju supaya kursus ini dilaksanakan secara dalam talian pada tahun ini. Kursus secara bersemuka boleh dipertimbangkan untuk dilaksanakan pada tahun 2023 tertakluk peruntukan semasa.</p>